



19 Ogos 2016  
19 August 2016  
P.U. (A) 224

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 4) 2016

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 4)  
ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965**

**PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 4) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 4) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 22 Ogos 2016.

**Peremitan cukai dan duti setem**

2. Hendaklah diremitkan sepenuhnya apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berhubung dengan Perjanjian Kemudahan Pembiayaan Berjangka Murabahah berjumlah dua ribu dua ratus juta ringgit (RM2,200,000,000.00) atau jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia ke atas Perjanjian Kemudahan itu—

(a) oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, yang baginya Akta ini terpakai menurut Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) 2004 [P.U. (A) 408/2004], sebagai pihak-pihak kepada Perjanjian Kemudahan itu; dan

(b) oleh mana-mana pihak yang kepadanya Perjanjian Kemudahan itu dipindahkan atau diserahkan.